

13/06/2003

Leader yakin dapat peluang projek Bakun

LEADER Universal Holdings Bhd (Leader), pengeluar kabel dan wayar, yakin mendapat peluang daripada pemuliharaan projek Empangan Hidro Elektrik Bakun, di Sarawak.

Pengarah Urusan Leader, Datuk Kenneth BT H'ng berkata, apabila proses pengeluaran tender dibuat, pihaknya pasti tidak akan melepaskan peluang untuk menyertainya.

"Kami difahamkan beberapa pihak sudah diberikan hak untuk bahagian tertentu projek berkenaan manakala pengeluaran tender bahagian lain akan dibuat awal tahun depan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Mesyuarat Agung Tahunan Leader, di Pulau

Pinang, semalam. Hadir sama, Pengerusi Leader, Tan Sri Razali Ismail.

H'ng berkata, walaupun keadaan ekonomi global masih belum pulih sepenuhnya, syarikat itu mencatat perolehan bernilai RM1.1 bilion pada tahun lalu.

Katanya, melihat nilai keuntungan sebelum cukai sebanyak RM48.4 juta yang dicatat pada 2002 berbanding RM18.9 juta sebelumnya, keuntungan syarikat dijangka meningkat tahun ini.

Beliau berkata, Leader turut mencatat beberapa kejayaan memberangsangkan tahun lalu, terutama perasmian loji jana kuasa pertama syarikat di Kemboja pada 3 November 2002.

"Kilang yang membekalkan 60 peratus bekalan elektrik di Phnom Penh itu dirasmikan pembukaannya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Satu lagi kejayaan cemerlang kumpulan ialah apabila Leader Cable Industry Bhd (LCIB) terpilih sebagai penerima Anugerah Industri Cemerlang (Jenama Malaysia) 2002.